

Newspaper	Berita Harian
Date	6/6/2011

Teka-teki peranan tampuk baru PAS

Parti perlu dinamik tangani perubahan tanpa mengorbankan pendirian

MUKTAMAR PAS ke-57 yang berakhir semalam mencatat sejarah apabila pemilihan parti bukan saja menyaksikan golongan bukan ulama menguasai sebahagian besar barisan kepemimpinan parti, malah buat kali pertama sejak era 'Kepemimpinan Ulama' PAS lebih suku abad lalu, jawatan Timbalan Presiden disandang tokoh bukan berlatar belakang agama.

Juga di luar jangkaan, termasuk di kalangan ahli PAS sendiri ialah kemenangan tiga tokoh bukan ulama untuk semua kerusi Naib Presiden dan lebih separuh daripada 18 ahli Jawatankuasa Kerja Pusat.

Sementara kemenangan Mohamad Sabu untuk menduduki kerusi nombor dua parti boleh dikaitkan dengan perpecahan undi dalam pertandingan tiga penjuror membabitkan penyandang tiga penggal, Nasharudin Mat Isa dan Pesuruhjaya PAS Pahang, Tuan Ibrahim Tuan Man.

Penguasaan golongan bukan ulama, profesional dan sebahagian besar berusia sekitar 50-an, bagi tiga jawatan Naib Presiden, membuka lembaran baru dalam sejarah parti itu. Mohamad, 56, yang terkenal dengan kelantangannya ketika berceramah dan pernah dilanda kontroversi, memperoleh 420 undi, menewaskan dua tokoh ulama - Nasharudin yang memperoleh 224 undi dan Pesuruhjaya PAS Pahang, Tuan Ibrahim Tuan Man (330 undi).

Tiga Naib Presiden baru - Salahuddin Ayub, Datuk Husam Musa dan Datuk Mahfuz Omar, adalah barisan pemimpin pelapis PAS yang sebelum ini dilaporkan pro-Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim atau dikenali sebagai Kumpulan Erdogan.

Salahuddin, 50, memperoleh undi tertinggi 753 undi; Husam, 52, (660 undi) dan Mahfuz, 54 (616 undi), menewaskan tiga calon lain iaitu Ketua Penerangan PAS, Idris Ahmad, Exco kerajaan Kelantan, Datuk Nik Mohd Amar Abdullah



dan bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin.

Keputusan pemilihan PAS kelmarin menunjukkan perubahan ketara dalam sejarah kepemimpinan parti itu, yang selama ini dikuasai golongan berpendidikan agama, kepada kalangan pelbagai latar belakang dan pendidikan. Oleh itu, perhatian kini tertumpu kepada sejauh mana penerimaan penyokong tradisional PAS yang selama ini bersama parti itu semata-mata kerana kepemimpinan ulamanya.

Yang jelas, matlamat utama PAS, seperti mana-mana pertubuhan politik ialah memenangi sebanyak mungkin kerusi pada pilihan raya umum dan kerana itu, ia tanpa segan silu boleh menukar slogan perjuangannya bila-bila masa.

Itulah yang berlaku pada muktamar PAS kali ini apabila dalam ucapan dasarnya, Presiden PAS,

Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengumumkan, perjuangan parti itu tidak lagi ke arah penubuhan negara Islam, tetapi kepada negara kebajikan, sekali gus menukar slogan kepemimpinan parti, yang kemudiannya diterjemahkan oleh perwakilan apabila mengundi pada petang Jumaat lalu.

Walaupun ramai penganalisis melihat perkembangan terbaru dalam barisan kepemimpinan PAS ini sebagai penguasaan gofongan pro-Anwar, soal sama ada PAS selepas ini akan lebih banyak tunduk kepada Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP, hanya terjawab menjelang pilihan raya umum nanti terutama berhubung pengagihan kerusi serta pendirian mereka mengenai isu membabitkan kepentingan Melayu/Islam.

Memang dari satu segi, perubahan barisan dan slogan kepemimpinan PAS itu menguntungkan DAP dan PKR kerana mereka mengharapkan kehadiran parti itu untuk memecahkan undi Melayu/Islam di kawasan bandar dan majoriti pengundi Cina. Apabila PAS meninggalkan perjuangan penubuhan negara Islam dan tidak lagi dikuasai golongan ulama, lebih mudahlah bagi DAP menarik

undi Cina yang selama ini mencurigai PAS.

Dari sudut lain, PAS pula terpaksa meyakinkan penyokongnya terutama masyarakat luar bandar di Kelantan, Terengganu dan Kedah, yang selama ini menyokong parti itu atas dasar perjuangan Islamnya. Masih ada sebahagian penyokong PAS terutama pengundi tua, berpegang kepada 'fatwa' 'mengundi PAS boleh masuk syurga' dan mahukan kepemimpinan ulama yang bersih daripada skandal peribadi.

Lebih menarik perhatian ialah apakah kepemimpinan baru PAS ini mampu menuntut peranan lebih besar dalam pakatan pembangkang terutama berhubung soal pemilihan kerusi dan jumlah calon pada pilihan raya umum akan datang?

Walaupun PAS adalah parti tertua dalam pakatan pembangkang serta memerintah dua negeri, dari segi hierarki dan membuat keputusan, ia sentiasa dibayangi pemimpin PKR dan DAP. Hakikat bahawa beberapa perwakilan menimbalkan soal ini ketika muktamar kelmarin menunjukkan ada kebimbangan dalam PAS sendiri kemungkinan parti itu dijadikan alat oleh PKR dan DAP.

Malah, Ketua Dewan Ulama PAS, Datuk Harun Taib, sehari sebelum pemilihan meminta kepemimpinan parti jangan terlalu mengikut kehendak parti lain dalam pakatan pembangkang sehingga mengakibatkan PAS kehilangan identiti dan jati dirinya.

PAS perlu dinamik dalam menangani perubahan tanpa mengorbankan assawabit (pendirian). Tidak ada kompromi dalam hukum halal dan haram dan yang sudah dinyatakan secara jelas dan nyata dalam al-Quran dan sunnah," katanya.

Sejauh mana peringatan Ketua Ulama PAS ini akan diberi perhatian oleh barisan kepemimpinan baru parti itu, adalah sesuatu yang menarik untuk dilihat.

